



## Harga minyak turun

**Kuala Lumpur:** Harga runcit petrol RON95 turun 19 sen kepada RM1.89 seliter, manakala RON97 turun 21 sen kepada RM2.19 seliter dan diesel turun 17 sen kepada RM1.96 seliter, mulai tengah malam tadi.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan semalam, harga runcit bahan api itu adalah bagi tempoh 7 hingga 13 Mac ini.

Penetapan harga itu dibuat berdasarkan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Sementara itu di Vienna, Pertubuhan Negara Pengelksport Minyak (OPEC) menjnajau untuk mengurangkan jumlah output minyak mentah yang lebih besar daripada jangkaan.

Langkah berkenaan untuk menyokong harga komoditi terbitat yang terjejas berikutnya pe-

nularan COVID-19.

Cadangan OPEC untuk membendung bekalan dengan tambahan 1.5 juta tong sehari (bpd) hingga akhir 2020 adalah kejutan, memandangkan kumpulan itu dijangka mencadangkan pengurangan satu juta bpd, dengan kekangan itu terhad sehingga suku kedua.

Riyadh, pengeluar terbesar OPEC, telah mendesak pengurangan ketara untuk meningkatkan harga minyak yang sudah jatuh sebanyak 20 peratus sejak awal tahun.

Bagaimanapun, ia berdepan kesukaran untuk mendapat persetujuan Moscow.

Pada minggu ini, harga minyak mentah Brent yang mencatat paras tertinggi mingguan AS\$53.90 satu tong pada Selasa lalu berada pada paras AS\$47.93 satu tong petang semalam.